

**PARLIMEN: Sokongan Malaysia Kepada OIC Simbolik Mesej Awal Supaya Syria
Hentikan Pergolakan
Bernama
22 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Sokongan yang diberikan oleh Malaysia terhadap keputusan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk menggantung keahlian Syria dalam organisasi itu adalah simbolik kepada mesej awal supaya negara itu bertindak menghentikan pergolakan, Dewan Rakyat diberitahu.

Timbalan Menteri Luar Datuk Richard Riot berkata Malaysia sangat peka dan prihatin terhadap krisis dan keganasan yang berlanjutan di Syria yang mengakibatkan lebih 30,000 orang awam mati sejak konflik itu bermula pada Mac tahun lepas.

"Saya tegaskan di sini, kita tidak perlu membubarkan OIC. Kita membuat tindakan simbolik bererti untuk menghantar mesej dahulu, mesej yang jelas kepada Syria mengenai keperluan untuk mengambil langkah-langkah supaya pergaduhan atau persengketaan boleh tamat.

"Kalau ia masih berterusan, mungkin OIC akan bersidang semula. Persoalan untuk membubarkan OIC tidak timbul sama sekali. Malah, Malaysia adalah sebahagian daripada berpuluh-puluh negara yang menjadi ahli kepada OIC," katanya ketika menjawab soalan tambahan Dr Mohd Hatta Md Ramli (PAS-Kuala Krai) di Dewan Rakyat Isnin.

Dr Mohd Hatta melahirkan kekecewaan apabila Malaysia hanya mengambil tindakan simbolik dalam menyatakan pendirian terhadap isu pergolakan di Syria.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=703866>